

Peranan Muzium dan Akademia dalam Memperkasakan Sejarah Islam di Kelantan

Ahmad Farid Abd Jalal
farid.museumpahang@gmail.com
Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Ahnaf Wafi Alias*
awhaukm@gmail.com
Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Siti Maimunah Kahal
mykahal89@yahoo.com
Universiti Teknologi MARA

Rahimin Affandi Abdul Rahim
faqir_ila_rabbih@um.edu.my
Perbadanan Muzium Negeri Pahang

**Corresponding Author*

ABSTRAK

Peranan muzium masa kini semakin meluas daripada fungsi konservatif kepada agen ilmu dan pembangunan ekonomi melalui konsep “kluster muzium” serta pelancongan patuh syariah. Apabila digandingkan dengan dunia akademik, muzium berpotensi menampilkan naratif sejarah Islam yang lebih tepat dan kontekstual. Namun, di Kelantan, hubungan antara institusi muzium dan akademia masih perlu diperkasa agar dapat memperkukuh peranan mereka dalam mempersembahkan warisan Islam tempatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif melalui analisis dokumen untuk meneliti hubungan strategik antara kedua-dua institusi tersebut. Sumber data diperoleh daripada bahan arkib, laporan institusi, rekod pameran dan penerbitan seperti majalah Pengasuh. Tumpuan diberikan kepada pelbagai aset sejarah Islam Kelantan termasuk bukti awal Islamisasi, sistem pondok tradisional dan budaya keilmuan. Kajian turut menilai pameran muzium, dasar pelancongan serta trend pemuziuman baharu yang menekankan keterlibatan masyarakat, penggunaan teknologi interaktif dan prinsip pemuziuman Islamik. Hasil kajian menunjukkan keperluan untuk memperkukuh muzium di Malaysia melalui bimbingan pakar akademik, penerapan teknologi digital dan sokongan organisasi bukan kerajaan. Reka bentuk pameran yang inklusif serta penglibatan masyarakat juga penting dalam memantapkan kefahaman terhadap sejarah Islam. Jaringan kerjasama seperti inisiatif AL-ASAR di Muzium Pahang menjadi contoh sinergi yang boleh dicontohi. Kajian ini menegaskan bahawa kolaborasi antara kurator dan akademia perlu diperluas bagi menghasilkan pameran berasaskan penyelidikan yang mampu memperkukuh pemahaman terhadap tamadun Islam di Kelantan.

Kata Kunci: Muzium; akademia; sejarah Islam Kelantan; pelancongan patuh syariah; sistem pondok.

The Role of Museums and Academia in Empowering Islamic History in Kelantan

ABSTRACT

The contemporary role of museums has expanded beyond mere preservation to become catalysts of knowledge and drivers of economic development through the concepts of “museum clusters” and Shariah-compliant tourism. When aligned with academia, museums have the potential to present Islamic history in a more accurate, critical, and contextual manner. In Kelantan, however, the collaboration between museums and academic institutions remains limited and requires further strengthening to enhance the presentation of local Islamic heritage. This study employs a descriptive qualitative approach using document analysis to examine the strategic relationship between museums and academia. Data were collected from archival sources, institutional reports, exhibition records, and publications such as *Pengasuh* magazine. The study focuses on key elements of Kelantan’s Islamic heritage, including early evidence of Islamisation, the traditional pondok education system, and the intellectual culture. It also reviews museum exhibitions, tourism policies, and new museological trends that emphasize community engagement, interactive technologies, and the integration of Islamic museology principles. Findings indicate that Malaysian museums should be strengthened through academic guidance, the use of digital technologies, and support from non-governmental organizations. Inclusive exhibition designs and active community participation are also crucial in enhancing public understanding of Islamic history. Collaborative initiatives such as the AL-ASAR program at the Pahang State Museum exemplify effective synergy between museums and academia. The study concludes that deeper cooperation between curators and scholars is essential in developing research-based exhibitions that reinforce understanding of Islamic civilisation in Kelantan.

Keywords: Museum; academia; Islamic history in Kelantan; Sharia-compliant tourism; traditional pondok education system.

PENGENALAN

Kelantan sering digelar sebagai Serambi Mekah kerana sejarah panjangnya dalam pembentukan dan perkembangan tamadun Islam di alam Melayu. Gelaran ini bukan sahaja mencerminkan identiti masyarakatnya yang berpaksikan Islam, tetapi juga menggambarkan keunikan warisan intelektual, pendidikan dan budaya yang berakar daripada proses Islamisasi sejak abad ke-15 (Erasiah et al., 2023). Peranan Kelantan sebagai pusat keilmuan dan penyebaran Islam menjadikan negeri ini penting dalam memahami sejarah Islam di Malaysia, khususnya dalam konteks warisan budaya, sistem pondok dan institusi agama seperti Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Muzium pula merupakan antara institusi warisan yang berfungsi sebagai “institusi memori” dalam konteks pembangunan tamadun (Hedstrom, 2002). Di Kelantan, penubuhan Muzium Negeri Kelantan dan Muzium Islam Kelantan menjadi platform utama bagi mendokumentasi, mempamer dan mentafsir sejarah Islam tempatan. Melalui pameran artifak, manuskrip dan tinggalan sejarah, muzium bertindak sebagai medium pendidikan dan pemeliharaan warisan ketara serta tidak ketara masyarakat Islam Kelantan (Abdul Karim et al., 2020). Walau bagaimanapun, pengisian dan interpretasi sejarah dalam muzium kadangkala terhad kepada naratif popular tanpa integrasi mendalam dengan kajian akademik semasa.

Dalam konteks akademik, kajian sejarah Islam di Kelantan memperlihatkan bahawa wacana tempatan masih memerlukan kerjasama erat antara penyelidik dan pengamal warisan. Kajian manuskrip *Sejarah Negeri Kelantan* misalnya, memperlihatkan bahawa Islamisasi awal Kelantan berlaku melalui jaringan politik dan keilmuan dengan Patani, Terengganu dan Champa, namun banyak aspek sejarahnya belum diterokai secara sistematik (Siti Fathihah & Mahani, 2021). Begitu juga, peranan penerbitan awal seperti Majalah Pengasuh yang diterbitkan oleh MAIK sejak tahun 1918 menunjukkan bagaimana wacana keislaman, pendidikan dan kesedaran sosial berkembang dalam konteks moden (Mohamad Firdaus et al., 2022).

Namun begitu, terdapat beberapa isu dan permasalahan yang perlu diambil perhatian dalam memperkasakan peranan muzium dan akademik di Kelantan. Pertama, kekangan dari segi sumber dan dokumentasi sejarah Islam menyebabkan banyak artifak serta manuskrip belum dikatalog atau ditafsir secara menyeluruh. Kedua, hubungan antara muzium dan institusi akademik masih longgar, menyebabkan kurangnya penyelidikan bersama dan pameran berasaskan bukti ilmiah (Siti Maimunah et al., 2023). Ketiga, dalam era digital dan pelancongan patuh syariah, muzium di Kelantan perlu menyesuaikan diri dengan pendekatan baharu termasuk pameran interaktif, realiti maya (VR), dan kolaborasi penyelidikan rentas disiplin.

Bagi menghadapi cabaran tersebut, penglibatan akademik dalam membina naratif sejarah Islam menjadi penting agar muzium tidak hanya berfungsi sebagai ruang pameran, tetapi juga sebagai *living knowledge institution*. Integrasi antara kajian ilmiah dan pameran warisan akan menghasilkan interpretasi yang lebih mendalam tentang Islamisasi Kelantan bukan sekadar dalam konteks sejarah, tetapi juga sebagai warisan spiritual dan budaya yang berterusan (Abdul Karim et al., 2020; Erasiah et al., 2023). Oleh itu, kajian ini menilai sinergi antara muzium dan akademik dalam memperkukuh kefahaman sejarah Islam di Kelantan, dengan menekankan aspek pendidikan, penyelidikan, dan pemeliharaan warisan berteraskan prinsip wasatiyyah serta nilai ilmu Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis potensi sinergi antara institusi muzium dan akademik dalam memperkasa sejarah Islam di Kelantan melalui pembangunan kandungan pameran berdasarkan penyelidikan, pemerksaan aset warisan Islam tempatan dan pendekatan pemuziuman yang patuh syariah serta interaktif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif melalui kaedah analisis dokumen, bertujuan meneliti hubungan strategik antara institusi muzium dan akademik dalam memperkasakan sejarah Islam di Kelantan. Pendekatan ini dipilih kerana membolehkan penyelidik memahami makna, konteks dan pola hubungan antara data sejarah dan institusi secara mendalam (Creswell & Poth, 2018).

Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data

Data dikumpul daripada pelbagai dokumen sekunder yang sahih dan relevan dengan objektif kajian. Bahan-bahan ini terdiri daripada buku akademik, jurnal ilmiah, laporan institusi, artifak sejarah, rekod pameran muzium serta penerbitan majalah tempatan seperti Pengasuh. Analisis

dokumen dijalankan dengan meneliti kandungan, tema dan representasi yang berkait dengan peranan muzium dalam pemeliharaan sejarah Islam, khususnya di Kelantan.

Proses analisis dijalankan secara tematik, melibatkan tiga peringkat utama: (1) pengumpulan dan penilaian dokumen, (2) pengekodan data mengikut tema utama seperti “Islamisasi Kelantan”, “pemuziuman Islamik”, dan “kolaborasi muzium-akademia”, serta (3) interpretasi naratif bagi memahami corak dan hubungan antara data (Bowen, 2009).

Bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan data, triangulasi sumber digunakan melalui perbandingan antara bahan ilmiah, laporan institusi dan rujukan antarabangsa. Transformasi muzium global seperti British Museum dan Museum of Islamic Art turut dijadikan bahan perbandingan bagi memahami model pemuziuman Islamik yang menekankan kolaborasi akademik, interaktiviti dan penglibatan komuniti (Abdul Karim et al., 2020).

JADUALI 1. Jenis Dokumen dan Sumber Data Kajian

Kategori Dokumen	Contoh Sumber	Tujuan dan Fokus Analisis
Buku Akademik	Erasiah et al. (2023); Siti Fathihah & Mahani (2021)	Sejarah Islamisasi Kelantan, sistem pondok dan konteks pendidikan Islam tradisional.
Artikel Jurnal Ilmiah	Abdul Karim et al. (2020); Maimunah et al. (2023)	Siti Peranan muzium dan prinsip pemuziuman Islamik di Malaysia dan dunia Islam.
Laporan Institusi	MAIK Annual Reports; Laporan Polisi dan Pelancongan Negeri Kelantan	statistik pelancongan dan aktiviti pameran berkaitan sejarah Islam.
Majalah & Terbitan Tempatan	<i>Majalah Pengasuh</i> (1918–kini)	Analisis wacana keilmuan dan kesedaran Islam masyarakat Kelantan.
Artifak dan Rekod Pameran Muzium	Koleksi Muzium Islam Kelantan	Penilaian kandungan pameran, tafsiran sejarah dan strategi pendidikan warisan.
Kajian Antarabangsa	<i>British Museum Reports, ICOM Islamic Heritage Series</i>	Perbandingan model kolaborasi akademik dan kuratorial di peringkat global.

Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada peranan muzium negeri dan institusi akademik di Kelantan dalam memperkasakan kefahaman terhadap sejarah Islam tempatan. Fokus utama diberikan kepada Muzium Islam Kelantan dan Muzium Negeri Kelantan, termasuk pameran serta program pendidikan yang berkait dengan warisan Islam. Turut menumpukan Institusi akademik tempatan, khususnya Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) sebagai entiti penyelidikan dan penerbitan ilmiah. Tempoh kajian merangkumi abad ke-19 hingga masa kini, dengan penekanan terhadap perkembangan pasca 2000 selaras dengan kemunculan trend Islamic museology dan pelancongan patuh syariah.

Limitasi Kajian

Kajian ini terbatas kepada analisis dokumen dan tidak melibatkan temu bual lapangan disebabkan kekangan masa dan akses terhadap informan institusi. Selain itu, sebahagian bahan arkib dan rekod pameran tidak tersedia secara digital, yang menghadkan analisis longitudinal. Walau bagaimanapun, triangulasi sumber daripada buku, jurnal dan laporan rasmi membantu mengurangkan bias data. Limitasi ini membuka ruang untuk kajian lanjutan melalui pendekatan etnografi muzium atau kajian lapangan berasaskan pemerhatian kuratorial.

KAJIAN LITERATUR

Peranan Muzium dalam Membangunkan Produk Pelancongan Islam

Muzium yang dahulunya dianggap sekadar lokasi simpanan koleksi lama kini telah mengalami transformasi menjadi institusi strategik untuk pembangunan pelancongan budaya. Konsep kluster muzium telah memperluas fungsi ini, menjadikan muzium sebagai alat pembangunan ekonomi dan penjenamaan negara. Contoh muzium luar negara seperti Guggenheim Bilbao dan The Louvre di Paris telah membuktikan keupayaan muzium membentuk imej bandar sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia. Di Asia, National Museum of China di Beijing mencatatkan 8 juta pengunjung pada tahun 2018, sementara Muzium Sains dan Teknologi Shanghai menerima 6.4 juta pengunjung, National Museum of Korea menerima 3.3 juta, dan tiga muzium utama di Jepun menjana kunjungan seramai 7.8 juta pada tahun yang sama (ShawHong, 2020).

Trend ini turut memberi kesan kepada negara-negara Islam. Selepas insiden 11 September 2001, pelancongan patuh syariah berkembang pesat melalui pengenalan konsep *Muslim Friendly Tourism* oleh OIC, merangkumi perkhidmatan perhotelan, perubatan dan pendidikan. Dalam konteks ini, muzium turut diangkat sebagai salah satu produk pelancongan Islam yang berpotensi (Lina Munirah & Hairul Nizam, 2012). Kelantan sebagai negeri yang kaya dengan warisan Islam perlu mengambil peluang ini dengan memperkenalkan pameran khas tentang sejarah Islamnya sebagai sebahagian daripada rangka pelancongan patuh syariah.

Justeru, muzium yang menampilkan pameran Islam autentik dan berpaksikan nilai syariah bukan sahaja mampu menarik pelancong Muslim dari dalam dan luar negara, malah menyumbang kepada ekonomi tempatan. Oleh itu, cadangan untuk membangunkan produk muzium patuh syariah bukan sahaja selari dengan perkembangan pelancongan Islam global, tetapi juga berpotensi menjadi pemangkin kepada transformasi sektor pelancongan warisan negara (Ahmad Farid, 2023).

AL-ASAR Memperkukuh Sejarah Dan Tamadun Di Kawasan Timur Laut Malaysia.

Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah (AL-ASAR) yang ditubuhkan di bawah naungan Perbadanan Muzium Negeri Pahang dilihat sebagai langkah strategik untuk memperkukuh warisan sejarah dan tamadun khususnya di kawasan timur laut Semenanjung Malaysia yang merangkumi negeri negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Malah, titah Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong menekankan bahawa penubuhan pusat kajian ini bukan sekadar berfungsi sebagai institusi pemuliharaan artifak tetapi juga sebagai pusat pendidikan dan rujukan warisan yang lebih luas (Muhammad & Latib, 2021). Kerjasama luas yang ditandatangani melalui memorandum persefahaman bersama pelbagai universiti tempatan sejak November 2021 turut menunjukkan komitmen dalam memperkuat jaringan akademik dan kuratorial (RZS CASIS/UTM, 2021).

Objektif AL-ASAR adalah multi dimensi, termasuk menerajui penyelidikan rentas disiplin seperti sejarah, tamadun, arkeologi dan sains politik; memelihara serta menyebarkan kefahaman mengenai ilmu sejarah dan tamadun; menjana produk ilmiah yang berimpak nasional dan ummah; serta menghasilkan modal insan yang berilmu, beradab dan patriotik. Aktiviti aktiviti utama yang dilaksanakan seperti pemberian geran penyelidikan kepada akademia, pengurusan artifak dan manuskrip, penerbitan ilmiah serta penglibatan

antarabangsa, semua ini memperkukuh peranan AL-ASAR dalam menyemai warisan tamadun Pahang (Norawazni, 2021).

Antara kegiatan utama yang dilaksanakan oleh AL-ASAR ialah memperuntukkan sejumlah geran kepada akademia untuk membuat kajian berkaitan sumber historiografi Pahang melalui kajian terhadap koleksi Muzium Pahang, manuskrip-manuskrip utama di Pahang, pemikiran dan budaya baharu permuziuman, sejarah Pahang Moden, persuratan Melayu Pahang, penggunaan pewarna asli untuk benang sutera, Orang Asli jungle school serta konservasi dan pengurusan hutan paya bakau di Pahang.

Kajian-kajian yang dijalankan telah berjaya menerbitkan buku-buku seperti *Pemikiran dan Tamadun, Marginalia on Malay Muslim Historiography, Tradisi Ke'ilmuan Bahasa Jawi, Pahang dalam Catatan Kolonial, Numismatica Transoxania, A Commentary on the Hujjat al-Siddiq dan Hall al-Zill karya Nur al-Din al-Raniri*. Pusat kajian ini juga telah menerbitkan *Majalah AL-ASAR* secara berkala yang membincangkan pelbagai isu dalam aspek sejarah dan tamadun. Selain itu, AL-ASAR berusaha menghimpunkan kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana daripada pelbagai pusat pengajian tinggi berkaitan sejarah dan tamadun di Pahang.

AL-ASAR juga telah menjalankan persidangan diraja, kolokium, lawatan ilmiah, latihan dan kerjasama dengan badan-badan ilmiah daripada dalam dan luar negara bagi memastikan kelangsungan sejarah dan tamadun khususnya di Pahang. Usaha-usaha menjaga dan menyelamatkan artifak-artifak bersejarah seperti manuskrip, tekstil, peta dan numismatik juga giat dijalankan bagi memastikan sejarah dan budaya tidak luput ditelan zaman.

Melalui inisiatif sedemikian, AL-ASAR bukan sahaja mengukuhkan kedudukan Muzium Pahang sebagai pusat warisan, tetapi juga menghubungkan muzium dengan dunia akademik secara sistematik. Ini seiring dengan kenyataan bahawa muzium yang digerakkan oleh kerjasama antara kurator dan penyelidik mampu menjadi agen pendidikan dan pembangunan tamadun (Muhammad & Latib, 2021). Akhirnya, usaha AL-ASAR ini dilihat bakal memperkukuh identiti sejarah dan tamadun kawasan timur laut Malaysia, terutama Pahang, melalui pendekatan yang lebih sistematik dan intelektual.

Keunggulan Sistem Pondok dan Budaya Keilmuan Masyarakat

Institusi pondok di Kelantan bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pendidikan Islam tradisional, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk budaya keilmuan yang unik. Asal usul pengajian pondok mengambil contoh pengajian Nabi Muhammad di Masjid Madinah yang didatangi oleh para sahabat dari kabilah-kabilah yang jauh. Mereka mendirikan khemah-khemah di sekeliling Masjid al-Nabawi untuk mengikuti pengajian Baginda. Sistem pengajian ini kemudiannya diikuti oleh pusat pengajian di Masjid al-Haram, Mekah. Para pelajar dari pelbagai negara datang belajar dengan guru-guru yang mengajar di masjid tersebut. Perkara yang sama berlaku di Masjid al-Azhar, Mesir yang berkembang tahap pengajiannya sehingga menjadi universiti (Arnold, 1913).

Menurut Kobkua (1988), penubuhan awal sistem pendidikan pondok di Kelantan berkait rapat dengan kemunculan tokoh-tokoh ulama yang pernah belajar di pondok-pondok di Pattani sekitar abad ke-12 dan 13 Masihi. Pattani pada masa tersebut merupakan pusat pengajaran Islam dan Kebudayaan Melayu di Selatan Thailand. Disiplin tinggi diamalkan dalam majlis ilmu seperti larangan bising, penekanan kepada pakaian sopan dan penjagaan kebersihan persekitaran. Guru-guru pondok pula sering terlibat dalam kegiatan keusahawanan seperti pertanian, penternakan, peruncitan dan industri kecil, menjadikan mereka contoh

teladan kepada pelajar dan masyarakat. Ini turut melahirkan rangkaian komuniti berasaskan nilai adab, ekonomi sendiri dan rujukan sosial yang kukuh.

Tuan Guru Haji Abd Samad bin Abdullah atau Tok Pulau Condong merupakan antara ulama yang masyhur dalam memperkenalkan sistem pendidikan bercorak pondok di Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal di Pattani, kemudian melanjutkan pelajaran ke Mekah. Beliau telah mewakafkan tanahnya untuk dijadikan tempat pelajar-pelajarnya mendirikan pondok dan mendirikan sebuah masjid untuk dijadikan tempat pengajaran (Abdul Halim, 1984). Selain itu, Tuan Tabal dan Tok Kenali juga merupakan antara tokoh yang terkenal dengan pembangunan dan perkembangan ilmu kepada masyarakat di Kelantan (Asiah, 1999).

Kekuatan sistem pondok ini turut terserlah melalui budaya masyarakat yang menjadikan hari Jumaat sebagai hari khusus untuk mendengar kuliah dan pengajian agama. Tradisi "*pergi dengar orang mengajar*" melibatkan seluruh lapisan masyarakat, daripada keluarga bangsawan hingga rakyat biasa yang menghadiri majlis ilmu di masjid, rumah ulama atau institusi pondok. Pengajaran disampaikan dalam dialek tempatan, menjadikan isi kandungan lebih mudah difahami dan relevan dengan isu semasa. Kebiasaannya, rumah guru dijadikan sebagai pusat pengajian pondok. Dari pintu besar terdapat jalan yang lurus menuju ke tangga besar rumah guru sehingga dari pintu hadapan akan kelihatan rumah guru sebagai lambang, dan di kiri jalan terdapat deretan pondok (asrama) para pelajar lelaki (Mok, 1993).

Jolokan Serambi Mekah yang diberikan kepada Kelantan mencerminkan pengiktirafan terhadap kualiti keilmuan dan suasana pembelajaran di negeri ini yang menyamai suasana pengajian di tanah suci Mekah. Hal ini menunjukkan bahawa negeri ini menjadi lokasi persiapan bagi para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke Haramain, dan dalam banyak kes, cukup memadai untuk mereka yang tidak berkesempatan ke luar negara (Rahimin, 2003)

Keunikan sistem pondok juga terbukti melalui kemunculan pekan-pekan baharu di sekitar kawasan pondok seperti di Melor, Pasir Mas, Kubang Kerian, Machang dan Bachok yang berkembang sebagai pusat keilmuan dan aktiviti masyarakat (Aziz, 2013). Semua ciri ini menjadikan institusi pondok sebagai aset penting yang perlu dipamerkan dalam naratif sejarah Islam Kelantan melalui medium muzium.

Majalah Pengasuh sebagai Instrumen Tajdid

Majalah Pengasuh yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sejak tahun 1918 merupakan antara majalah Islam tertua di Asia Tenggara. Sejak awal penerbitannya, majalah ini telah memainkan peranan utama dalam menyemai pemikiran tajdid (pembaharuan) dalam kalangan masyarakat Islam di Kelantan. Malah, usaha menyemarakkan agenda tajdid ini bermula lebih awal daripada majalah al-Imam yang sering disebut dalam konteks gerakan reformis.

Tok Kenali merupakan ketua pengarang, pengasas dan pendorong utama majalah ini sejak tahun 1918. Bersesuaian dengan tanggungjawab yang diamanahkan dan sebagai seorang ulama, beliau telah melakukan beberapa perubahan dan pembaharuan khususnya dalam aspek pendidikan, pelajaran, ekonomi, sejarah, kebudayaan, politik dan agama (Yusof, 1975; Nawawi, 1981). Antara tokoh terkemuka yang terlibat dalam penulisan majalah ini selain Haji Muhammad Yusof Awang Kenali ialah Dato' Laksamana Haji Muhamad bin Tok Khatib, Dato' Haji Ahmad Maher, Ahmad Adnan Ariffin, Hassan bin Haji Muhamad, Dato' Haji Ismail bin Yusoff dan Drs. Abdul Ghani Azmi bin Idris (Abdul, 1993).

Majalah Pengasuh bukan sahaja membincangkan isu-isu berkaitan agama, malah turut mengupas perbincangan mengenai pengetahuan am, sejarah, tatanegara, ilmu politik, ekonomi, psikologi, bahasa, ruangan soal jawab serta berita dalam dan luar negara (Manzaidi, 2001).

Bersesuaian dengan matlamat utama penerbitannya iaitu untuk membina bangsa Melayu yang terhormat dan mempunyai jati diri tinggi di tanah air sendiri, majalah ini menjadi lidah rasmi dalam penyebaran agama Islam, memberi nasihat dan teguran agama kepada orang ramai dan membina masyarakat Islam yang dinamik dan maju (Mahmud, 1918).

Kajian menunjukkan bahawa sidang pengarang Pengasuh sudah menyentuh isu-isu tajdid sejak tahun 1918 lagi, antaranya berkaitan perbahasan usul fiqh dan penyelesaian masalah umat melalui ijtihad semasa. Majalah ini juga berani membincangkan pelbagai isu kontemporari yang mencabar umat Islam seperti orientalisme, komunisme dan penjajahan intelektual. Artikel-artikel yang dimuatkan ditulis oleh ulama tempatan yang berwibawa, menjadikannya sumber autentik dan refleksi pemikiran Islam berakar dari bumi Kelantan (Faisal, 2013).

Melalui penerbitannya, Pengasuh telah menjadi saluran penting penyebaran idea reformis berlandaskan kerangka tradisi keilmuan Islam yang sahih dan berautoriti. Perannya membuktikan bahawa masyarakat Islam Kelantan tidak hanya menerima ajaran agama secara taqlid, tetapi memiliki daya intelektual yang tinggi dalam menanggapi cabaran moden. Oleh itu, bahan-bahan daripada majalah ini wajar dimanfaatkan sebagai elemen kuratorial dalam muzium Islam Kelantan kerana mencerminkan pemikiran dinamik dan sejarah intelektual umat.

DAPATAN KAJIAN

Kajian menunjukkan bahawa muzium di Kelantan, khususnya Muzium Islam Kelantan, berpotensi memainkan peranan penting dalam memelihara warisan sejarah dan budaya Islam, selaras dengan objektif kajian yang bertujuan menilai peranan muzium dalam memperkasakan sejarah Islam. Analisis pameran, manuskrip dan koleksi artifak menunjukkan bahawa institusi muzium bukan sahaja menyimpan bukti sejarah tetapi juga menyediakan naratif pendidikan yang kritikal dan kontekstual (Abdul Karim et al., 2020).

Selain itu, hasil kajian menunjukkan bahawa kolaborasi antara muzium dan akademia, seperti inisiatif AL-ASAR di Muzium Pahang, berjaya memperkukuh penyelidikan ilmiah dalam bidang sejarah, tamadun dan pendidikan pondok. Ini secara langsung menjawab objektif kajian kedua iaitu menilai impak kerjasama akademik terhadap pemerksaan warisan Islam di Kelantan (Muhammad & Latib, 2021).

Tambahan pula, kajian mendapati bahawa penggunaan teknologi interaktif, pameran berasaskan penyelidikan dan penglibatan komuniti memberi impak positif terhadap kefahaman masyarakat terhadap sejarah Islam. Hasil ini secara langsung memenuhi objektif kajian ketiga, iaitu menilai strategi muzium kontemporari dalam menyebarkan ilmu sejarah dan tamadun kepada masyarakat secara berkesan (Siti Maimunah et al., 2023).

Penglibatan Akademia dalam Kurasi Kandungan Sejarah Islam

Kerjasama antara institusi muzium dan akademia merupakan manifestasi kesedaran baharu dalam dunia pemuziuman. Sejak Malaysia menyertai Pertubuhan Muzium Antarabangsa (ICOM), pengaruh agenda muzium baharu telah diterapkan ke dalam pendekatan pengurusan muzium tempatan. Akademia bukan sahaja memainkan peranan sebagai penyumbang ilmu, tetapi juga sebagai rakan strategik dalam penyelidikan, penilaian kritikal dan pembangunan naratif pameran (Ahmad Farid, 2019).

Contoh teladan yang boleh diambil ialah pengalaman British Museum dan muzium *Rijksmuseum* di Belanda (Nicole, 2008). Di British Museum, terdapat *The Interpretation Team*,

iaitu satu pasukan profesional akademik yang menjalankan penyelidikan, penilaian galeri dan pembangunan kandungan interaktif bagi pameran Islam. Hal ini dijelaskan sebagai;

“The Interpretation Team helps visitors make sense of the British Museum collection by providing information that encourages people to actively engage and look more closely at objects on display in the Museum's galleries and exhibitions. Developing effective gallery displays and special exhibitions requires deep understanding of visitors' levels of knowledge, their motivation for coming and the way they behave during their visit. The Interpretation Team has been undertaking visitor research and exhibition evaluation since 2006 to help the Museum deepen visitor engagement with the collection” (British Museum, 2006, para. 1).

Pasukan ini melakukan beberapa perkara; *Pertama*, melakukan proses *review* koleksi dan pameran lama diganti dengan galeri baharu. Contohnya, pada 18 Oktober 2018, atas nasihat daripada pasukan penyelidik khusus, galeri Islam *John Addis Gallery* di British Muzium telah diubah dan diganti dengan galeri *The Albukhary Foundation*. *Kedua*, mendapat kerjasama dengan NGO atau yayasan luar negara yang menaja galeri terbabit. *Ketiga*, didokong dengan pasukan profesional yang terlibat dalam semua peringkat kuratorial. Mereka telah terlibat melakukan penyelidikan, cadangan penambahbaikan serta penerapan teknologi terkini dalam pameran Islam. Contohnya, hasil kajian rintis pasukan kuratorial British muzium di galeri *The Albukhary Foundation*, beberapa penambahbaikan telah dilakukan seperti galeri Islam Al-Bukhari telah diletakkan di lokasi tengah bahagian bawah muzium; kandungan galeri ditambah bukan setakat tamadun Islam Timur Tengah, bahkan dimasukkan sama tamadun Islam di Asia Tenggara; dan panel pameran dibekalkan dengan peralatan interaktif dalam pelbagai bahasa (Mederer, 2019).

Dalam konteks Malaysia, keperluan kepada penglibatan akademia dalam penilaian kritikal terhadap kandungan galeri juga semakin diiktiraf. Abdullah (2017) misalnya menjelaskan bagaimana artifak seperti Batu Bersurat Terengganu, walaupun ringkas, mampu mencetuskan pemikiran kritikal dan kajian mendalam tentang sistem hukum Islam. Begitu juga kajian-kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik lain membuktikan nilai akademik yang tinggi apabila muzium disokong oleh akademia.

Model kerjasama ini dapat dijadikan asas dalam memperkasa kurasi kandungan sejarah Islam di Kelantan. Muzium perlu membuka ruang kepada akademia untuk menyumbang dari sudut metodologi, sumber sejarah, tafsiran dan teknologi, bagi memastikan naratif Islam yang dipamerkan adalah sahih, menarik dan mendidik masyarakat awam.

Penilaian Kritis Terhadap Artifak dan Naratif Sejarah

Salah satu ciri penting pemuziuman baharu ialah kebolehan untuk mencabar dan menilai semula naratif sejarah melalui artifak yang dipamerkan. Dalam konteks Malaysia, Abdullah (2017) menekankan pentingnya pemikiran kritis dalam analisis kandungan muzium. Walaupun artifak tidak boleh berkata-kata, namun mampu menjana pemikiran aras tinggi jika dikaji secara kontekstual dan rentas disiplin.

Sebagai contoh, Batu Bersurat Terengganu yang hanya memuatkan inskripsi ringkas telah menjadi objek kajian ilmiah berimpak tinggi. Rahimin (2010) dalam kajiannya menghuraikan bahawa batu ini mencerminkan pemakaian hukum Islam di Kuala Berang pada masa lalu, lengkap dengan pecahan kategori hukum dan bentuk hukuman terhadap jenayah.

Sementara itu, Muhammad Zainiy (2012) dalam kajiannya pula mengaitkan inskripsi tersebut dengan fenomena astronomi “Bintang *Syaratain*” yang terbukti benar berlaku pada tarikh tertentu di langit Terengganu. Penyelidikan-penyelidikan ini membuktikan bahawa artifak boleh dijadikan sumber kepada penghasilan ilmu baharu apabila dianalisis dengan pendekatan saintifik dan kritis.

Selain itu, Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu yang dipamerkan di Muzium Negeri Terengganu turut menjadi bukti penting tentang kegemilangan Islam di sana. Menurut Rahimin (2012), dokumen ini memperlihatkan bahawa undang-undang Islam telah menjadi “*Common Law* Melayu-Islam” sebelum kedatangan kuasa British. Malah, Ahmad (1992) menyandarkan hujah penolakan terhadap *English Common Law* menunjukkan bahawa wujudnya sistem hukum silam yang lengkap di negeri-negeri Melayu.

Begitu juga Hukum Kanun Pahang yang digubal berasaskan Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Johor. Hukum kanun yang digubal pada zaman Sultan Abdul Ghaffar Muhyiddin Shah (1592-1614) ini menunjukkan bahawa perlembagaan Islam yang lebih teratur telah dilaksanakan di Pahang (Abd. Jalil, 2002). Hal ini menjadi bukti bahawa terdapat pengaruh besar undang-undang Islam jika dibandingkan dengan Undang-undang Adat dalam peruntutannya khususnya dalam hukum jenayah (Zaini, 2004).

Bagi negeri Kelantan, antara artifak yang perlu dikaji dan diberi perhatian ialah Julus Kelantan. Syiling dinar yang dijumpai tertanam di Kota Kubang Labu ini dikatakan bertarikh 577H atau bersamaan 1181 Masihi. Jika benar pendapat ini, maka jelaslah bahawa dinar ini antara yang paling tua yang dijumpai di Malaysia (Nik Hassan, 1987). Namun, kajian yang komprehensif perlu dilakukan oleh para akademia bagi mengukuhkan pendapat tersebut.

Kesemua contoh ini menegaskan keperluan kepada penilaian semula naratif sejarah yang didominasi oleh pendekatan kolonial. Hal ini memberi ruang kepada wacana baharu berasaskan sumber warisan Islam tempatan. Maka, galeri pameran mestilah dibangunkan dengan kerangka pemikiran kritis ini agar sejarah Islam di Kelantan dan Malaysia disampaikan dengan adil, sah dan menyeluruh.

Pengukuhan Peranan Muzium sebagai Medium Pendidikan dan Pembangunan Sosial

Muzium bukan sekadar tempat menyimpan artifak, tetapi berperanan sebagai agen pendidikan masyarakat dan alat integrasi sosial. Terdapat pelbagai kajian yang menunjukkan pentingnya usaha untuk merapatkan masyarakat dengan muzium di sesuatu kawasan. Ini termasuk mengukur tahap penerimaan, kesedaran dan keterlibatan masyarakat terhadap institusi muzium sebagai sumber ilmu dan inspirasi.

Kaitan langsung antara muzium dan masyarakat menjadi asas kepada pembangunan industri pelancongan warisan yang mampan. Apabila masyarakat menerima muzium sebagai sebahagian daripada kehidupan intelektual dan budaya mereka, nilai ekonomi dan sosialnya turut meningkat.

Muzium juga memainkan peranan penting sebagai alat bantu pendidikan formal dan tidak formal. Menurut Mohd Azmi (2013), muzium beroperasi menerusi tiga komponen utama: 1) pengumpulan, penyelidikan dan pemeliharaan warisan; 2) dokumentasi dan penerbitan hasil penyelidikan; dan 3) pengembangan ilmu melalui pelbagai bentuk program seperti pameran, ceramah, bengkel, seminar, lawatan berpandu dan forum masyarakat.

Sesi pembelajaran di muzium mampu membuka ruang kepada pelajar untuk melakukan aktiviti penerokaan, dalam masa yang sama melengkapkan pembelajaran di bilik darjah. Hal ini dapat mencipta pengalaman baharu kepada pelajar dalam memahami peristiwa sejarah

menerusi artifak dan koleksi yang terdapat di muzium (Nur Syazwani, Kamarulzaman & Nur Azuki, 2019).

Contoh nyata dapat dilihat pada galeri pameran di Muzium Negara yang menyusun naratif sejarah Malaysia daripada zaman pra-sejarah, era kerajaan Melayu, penjajahan hingga zaman moden. Pengunjung bukan sahaja memperoleh maklumat sejarah, malah membina kefahaman kritikal dan kesedaran budaya melalui visual dan penjelasan langsung.

Malah bagi pelajar sekolah, muzium membekalkan pengalaman pembelajaran berasaskan pemerhatian langsung yang meningkatkan minat terhadap subjek sejarah berbanding pengajaran teori semata-mata di bilik darjah. Justeru, peranan muzium sebagai alat bantu pendidikan harus diperluas dan diperkuatkan melalui kurikulum bersepadu dan program pendidikan masyarakat (Azman, 2017).

Kesemua dapatan ini menunjukkan hubungan yang jelas antara analisis data dan objektif kajian, setiap penemuan mengukuhkan pemahaman terhadap peranan muzium dan akademia dalam memperkasakan sejarah dan tamadun Islam di Kelantan. Dengan pendekatan ini, kajian bukan sahaja memenuhi matlamat asal tetapi juga menyediakan cadangan praktikal untuk pengurusan muzium dan strategi pendidikan berasaskan warisan.

Cadangan Pemerksaan Muzium Islam Kelantan

Bagi memastikan peranan muzium terus diperkasa, kajian ini mencadangkan agar Muzium Islam Kelantan mengetengahkan aset sejarah Islam yang dapat menjadi bahan utama galeri pameran muzium. Sejarah perjuangan jihad masyarakat Melayu Kelantan melawan penjajah British perlu diberi penekanan agar semangat mempertahankan negeri terus segar dalam diri masyarakat. Selain itu, pemerksaan penggunaan teknologi dan penglibatan masyarakat sangat perlu bagi memastikan institusi muzium terus mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Usaha Mengenalpasti Aset Sejarah Islam Wilayah Timur Laut Malaysia yang Dapat Dimajukan Menjadi Bahan Utama Galeri Pameran di Muzium

Berbanding dengan wilayah pantai barat Malaysia, Wilayah Timur Laut Malaysia (Pahang, Terengganu dan Kelantan) dapat dibuktikan sebagai tapak awal Islamisasi di Tanah Melayu. Bukti ini terdiri daripada pelbagai bentuk bukti fizikal dan budaya. Berbanding dengan teori lama yang mengangkat Melaka sebagai pusat awal kedatangan Islam, kajian semula terhadap artifak, manuskrip, institusi pendidikan dan budaya keilmuan mendapati bahawa kawasan Pantai Timur Tanah Melayu iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang lebih memenuhi kriteria sebagai lokasi awal Islamisasi.

Menurut Muhammad Hussein (1969), negeri Kelantan telah mempunyai kerajaan yang memerintah pada tahun 577 Hijrah bersamaan 1181 Masihi berdasarkan bukti sejenis mata wang yang digunakan di negeri Kelantan suatu waktu dahulu. Mata wang daripada emas yang ditemui di bekas tapak Kota Istana Kubang Labu ini bertulis “al-Julus Kelantan 577” dan “al-Mutawakkil”. Jika pendapat ini benar, dinar ini menjadi bukti kedatangan agama Islam yang lebih awal dan menerangkan betapa lamanya pengaruh agama ini berkembang sehingga mempengaruhi suatu kerajaan yang menggunakan dinar tersebut sebagai suatu mata wang rasmi di sini (Sa’ad, 1971).

Kajian yang dilakukan oleh Rahimin (2014) menunjukkan bahawa bukti utama kedatangan Islam di Pantai Timur dapat dikenalpasti melalui kehadiran manuskrip dan kitab-kitab agama yang beredar di kawasan ini sebelum abad ke-15, wujudnya masjid tertua dan institusi pondok yang berakar lama di negeri ini, kehadiran tokoh ulama dan maqam mereka

yang dihormati sepanjang zaman, penggunaan tulisan jawi sebagai medium penyebaran ilmu serta budaya masyarakat yang berpegang kepada sistem hukum Islam dalam amalan harian.

Selain itu, kawasan timur laut Tanah Melayu merupakan pusat penting dalam jaringan hubungan diplomatik dan intelektual dengan dunia luar Islam. Jaringan ini termasuk hubungan dengan kerajaan luar seperti Pattani, Sriwijaya, Palembang dan Aceh serta persinggahan armada Islam seperti ketumbukan Laksamana Cheng Ho dan para pendakwah Umayyah. Menurut catatan pengembara Arab dan Cina, kawasan ini menjadi pelabuhan strategik dalam laluan perdagangan antarabangsa dan pernah menjadi pusat penyebaran Islam menerusi interaksi dagang dan dakwah (Kamis, 2003).

Dari sudut pemerintahan, zaman kegemilangan pemerintahan Islam dapat dilihat pada zaman Sultan Mansur Syah (1465-1526M) dan Cik Siti Wan Kembang (1610-1677M). Perkembangan ekonomi yang pesat dan kehidupan masyarakat yang aman makmur menjadikan negeri Kelantan pada masa tersebut lebih terkenal daripada negeri Patani. Menurut Mohd Zahirwan Halim dan Norhayati Hamzah (2018), pemerintahan Islam di Kelantan berlangsung dengan baik sepanjang tempoh 1465 sehingga 1756 berdasarkan catatan di dalam manuskrip Sejarah Negeri Kelantan. Kesannya, pemerintahan dan perundangan Islam telah diamalkan dengan meluas pada zaman Sultan Muhammad I (1800-1837M) dengan pelantikan ulama sebagai penasihat dalam pentadbiran di negeri Kelantan.

Lebih penting, jaringan intelektual dengan Haramain (Mekah dan Madinah) telah menjadikan ilmu yang dibawa ke Kelantan bersifat ortodoks dan bersumberkan autoriti ulama dunia Islam (Azra, 1994). Ini memperkukuhkan lagi kedudukan Kelantan sebagai tapak awal Islamisasi yang berakar kuat dan mampu dikembangkan melalui pameran muzium berasaskan naratif sejarah yang sahih.

Fakta Sejarah Perjuangan Jihad Orang Melayu Wilayah Timur Laut Malaysia Melawan Penjajah British

Fakta ini memang disedari oleh sejarawan Malaysia, tetapi kurang diberikan penekanan utama dalam sejarah Malaysia. Kalau adapun pendedahan fakta ini, hanya dikatakan sebagai penentangan pembesar Melayu iaitu Tok Janggut, Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau yang tidak berpuashati kerana hak istimewa mereka dirampas oleh pihak British.

Sepatutnya sejarah penentangan orang Melayu Pahang ini perlu dilihat daripada perspektif yang lebih holistik. *Pertama*, penentangan ini merupakan perjuangan jihad Melayu yang mendapat sentuhan ulama, bukan merupakan perjuangan kedaerahan tetapi bersifat serantau dan antarabangsa. Pejuang Pahang mendapat sokongan daripada orang Melayu negeri Kelantan dan Terengganu. Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau dikatakan berundur dan bersembunyi di dua negeri tersebut ketika diburu oleh pihak British. Bagi Mohd Roslan Mohd Nor, sokongan ini wujud kerana adanya kefahaman jihad melawan penjajah Kafir.

Kedua, ulama Melayu telah berjaya menerapkan semangat jihad melawan penjajah British kepada masyarakat Melayu. Mengikut Hasanuddin (2009), terdapat dua strategi besar yang dilakukan oleh ulama alam Melayu bagi memperkasakan perjuangan jihad. Antaranya adalah melalui institusi haji yang dijadikan sebagai wadah perkaderan pejuang Islam. Kota Mekah telah menjadi pusat untuk melatih ulama pejuang jihad bagi melawan penjajahan barat di negara umat Islam. Isu penjajahan dan kezaliman penjajah telah ditimbulkan semasa ibadat haji berjalan dan berjaya menarik sokongan umat Islam sedunia. Kota Mekah bergiat aktif menyemai semangat jihad dalam kalangan ulama yang berasal dari alam Melayu.

Ulama tersebut antaranya Syeikh Muhammad al-Fathani dari Patani (Thailand), Syeikh Muhammad Zain al-Ashi dari Aceh (Indonesia) dan Syeikh Muhammad al-Falimbani dari

Palembang (Indonesia). Para ulama di Makkah tersebut juga telah melahirkan ramai ulama yang berpengaruh di alam Melayu seperti Syeikh Yusuf al-Maqassari (Makassar), Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, Syeikh Abdul Wahab Bugis, Syeikh Muhammad Ali Aceh dan Syeikh Daud al-Fathani dan seumpamanya (Daud, 2009; Darusman, 2008).

Dalam konteks alam Melayu, tokoh ulama yang tidak asing lagi dalam memperjuangkan semangat jihad ialah Syeikh Daud al-Fathani dan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani. Kedua-dua tokoh ini terlibat dalam peristiwa jihad melawan penjajah Siam di Pattani. Rentetan daripada peristiwa jihad ini, mereka telah berjaya melahirkan pejuang jihad ulama Melayu yang lain antaranya ialah Syeikh Muhammad Bendang Daya, Syeikh Abdul Qadir Mustafa Bendang Daya, Syeikh Wan Hasan Besut, Syeikh Abdul Halim Kelantan, Tuanku Tambusai Minangkabau dan Raja Ahmad Raja Ali Riau yang merupakan kader Syeikh Daud al-Fathani (Masae & Hamid, 2014).

Jaringan intelektual dan perjuangan seterusnya diwarisi oleh generasi terkemudian antaranya ialah Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani yang menjadi rujukan dan individu penting dalam sejarah kebangkitan perjuangan melawan penjajah di alam Melayu (Samsudin & Yahaya, 2011). Atas dasar itu, Mekah telah menjadi pusat tumpuan pembentukan gerakan memperjuangkan kemerdekaan umat Islam. Hasilnya ramai ulama lulusan Mekah ini telah memelopori secara langsung gerakan-gerakan anti penjajah di tanah air mereka. Antara contoh yang jelas adalah Perang Padri, Perang di Banten, Makassar, Pattani dan Palembang.

Selain itu, semangat jihad melawan penjajah British juga dilakukan melalui penghasilan karya jihad untuk masyarakat alam Melayu. Peranan karya jihad Syeikh Daud Pattani amat besar dalam meniupkan semangat jihad. Beliau boleh dikatakan sebagai pelopor jihad di alam Melayu dengan menulis kitab jawi yang menerangkan kewajipan jihad melawan penjajah kepada umat Islam. Perbincangan isu jihad terkandung secara terpecah dalam tiga buah kitab yang dihasilkan; (1) *Lum'ul Fawa'id*, (2) *kitab Tuhfatul Gharibin* dan (3) *kitab Munyat Muslli* (Azra, 2005). Walaupun Daud Pattani berada jauh di Timur Tengah tetapi semangat sayangkan tanah air tetap kuat mempengaruhinya. Beliau tidak mahu terputus hubungan dengan nasib yang dialami oleh masyarakat tanah tumpah darahnya di Pattani.

Syeikh Daud memberi semangat jihad berasaskan penegasan al-Quran, al-Sunah dan pandangan ulama kepada pejuang Islam di Pattani. Beliau menganggap jihad di alam Melayu bukan sia-sia, tetapi mereka akan mendapat ganjaran pahala di dunia dan akhirat yang dijanjikan Allah. Untuk itu, beliau menggalakkan dan berusaha menaikkan semangat jihad ini bagi masyarakat Islam Pattani meneruskan jihad kerana dianggap sebagai fardu ain demi mengekalkan kerajaan Islam terus kekal berkuasa. Tanpa jihad, maka sia-sia amalan agama daripada aspek akidah, sufi dan syariah.

Ringkasnya, Islam bukan setakat untuk difahami semata-mata bahkan perlu turut dibuktikan dengan jihad yang bakal mengorbankan nyawa sehingga dapat meraih status mati syahid; suatu status yang sangat tinggi di sisi Allah. Beliau sengaja menggunakan ayat seruan jihad ini secara umum untuk semua penduduk alam Melayu kerana memaklumi nasib umat Islam yang ditindas oleh penjajah Barat bukan setakat di Pattani, tetapi termasuk juga di Aceh, Tanah Melayu, Filipina dan Sumatera (Ismail, 2011).

Ketiga, menerangkan matlamat dan hukum jihad. Maqasid jihad adalah untuk memastikan agar pemerintahan Islam sentiasa terpelihara kerana tanpa sebuah kerajaan, sudah pasti pengamalan Islam yang menyeluruh menjadi mustahil dapat dilaksanakan. Kerajaan Islam ini sangat penting untuk tetap terpelihara agar pelaksanaan syariah dan penyebaran syiar Islam sentiasa terus dapat berkembang di samping mewujudkan perpaduan dalam kalangan umat Islam. Atas dasar ini, Ibn Khaldun berpendapat bahawa fitrah dan sifat sayangkan bangsa

sendiri (*asabiyyah*) ialah nikmat yang diberikan oleh Allah pada setiap manusia. Teori *asabiyyah* ini memberikan signifikan penting dalam memperjelas hala tuju dan pembinaan negara bangsa yang stabil (Faghizadeh, 2004).

Sehubungan dengan itu, semangat sayangkan tanah air ini sememangnya mempunyai ikatan simbiotik (saling berkait) dengan Islam. Terdapat empat elemen yang mendasari semangat sayangkan bangsa ini iaitu iman, diri, bangsa dan *watan*. Iman berada dalam diri, manakala diri berada dalam lingkungan bangsa dan bangsa pula membangun di atas watan. Sebagaimana manusia mencintai kebebasan dan kemerdekaan untuk hidup dan melayakkannya dikenakan taklif syarak, maka kemerdekaan bangsa dan watan sangat penting untuk memastikan agama dapat dipelihara di atas bumi (Jaffar, 2000).

Hukum jihad itu wajib bagi imam atau pemimpin Islam untuk mengisytiharkannya. Menjadi fardu ain yang wajib dilakukan kepada semua masyarakat Islam kecuali golongan tertentu yang dikecualikan seperti kanak-kanak, wanita, orang sakit dan hamba. Pelajar-pelajar agama dan ahli sufi yang aktif wajib melibatkan diri dalam jihad. Bagi memastikan seruan jihadnya mendapat perhatian pembaca, Daud Pattani telah mengemukakan hujah kefarduan jihad ini, sama ada fardu ain atau kifayah berdasarkan sejumlah besar ayat al-Quran, al-Sunah dan pandangan ulama.

Pemeriksaan Penggunaan Teknologi dan Penglibatan Masyarakat

Selain itu, muzium Kelantan perlu menggunakan teknologi interaktif dalam galeri. Galeri pameran harus dilengkapi dengan teknologi seperti *multi-table touch screen* agar pengunjung dapat mengakses maklumat tambahan berkaitan objek pameran secara lebih menarik dan interaktif. Hal ini penting bagi menarik minat generasi muda dan pelawat antarabangsa dalam memperkenalkan sejarah Islam khususnya di Kelantan.

Pihak muzium Kelantan juga perlu memastikan penglibatan masyarakat dan komuniti. Pendekatan galeri yang mendidik dan mesra komuniti perlu diterapkan. Ini termasuk latihan kepada guru, lawatan berpandu, bengkel pendidikan dan forum komuniti yang menjadikan muzium sebagai hab ilmu dan dialog sosial.

Kesemua cadangan ini bertujuan untuk menjadikan Muzium Kelantan sebagai pusat rujukan sejarah Islam yang bersepadu, mendidik dan inklusif, sekali gus memberi nilai tambah kepada industri pelancongan Islam di rantau ini.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa sinergi antara institusi muzium dan akademia merupakan strategi utama dalam memperkasa sejarah Islam di Kelantan. Dalam menghadapi cabaran peminggiran naratif Islam dalam wacana arus perdana, pendekatan pemuziuman kritis dan berasaskan penyelidikan membolehkan warisan Islam tempatan diketengahkan secara sah, kontekstual dan inklusif. Kelantan bukan sahaja merupakan tapak awal Islamisasi di Tanah Melayu, malah turut mempunyai sistem pendidikan pondok, jaringan diplomatik dan tradisi intelektual tersendiri yang berakar dalam sejarah. Naratif ini dapat diperkukuh melalui galeri yang menggunakan pendekatan teknologi interaktif, kerjasama dengan sarjana dan penilaian semula naratif sejarah berdasarkan sumber tempatan.

Tambahan pula, muzium harus dilihat bukan sekadar tempat pameran statik, tetapi sebagai alat bantu pendidikan yang berkesan serta platform pembangunan komuniti. Keupayaan artifak untuk menjana pemikiran kritis seperti yang ditunjukkan dalam kajian

terhadap Batu Bersurat dan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu memperkukuh lagi keperluan untuk memposisikan muzium sebagai institusi keilmuan yang aktif dan relevan.

Dengan strategi yang berasaskan nilai ilmu, prinsip syariah dan pendekatan pedagogi yang berkesan, Muzium Kelantan berpotensi menjadi model kepada institusi muzium Islamik di Malaysia, malah di rantau Asia Tenggara. Hal ini bukan sahaja memartabatkan sejarah dan peradaban Islam tempatan, malah menyumbang kepada agenda pelancongan patuh syariah, pembinaan jati diri umat dan pengukuhan memori kolektif nasional.

RUJUKAN

- Ab Samad Kechot. (2010). *Proses pendidikan muzium: Satu kajian awal*. *Jurnal Melayu*, 5, 285–293.
- Ab Samad Kechot. (2012). *Pendidikan warisan di muzium: Kajian berkaitan penggunaan laras bahasanya*. *GEOGRAFIA: Journal of Society and Space*, 8, 35–46.
- Abd. Jalil Borham. (2002). *Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Johor*. Penerbit UTM.
- Abdul Halim Ahmed. (1984). *Pendidikan Islam di Kelantan*. Dalam Khoo Kay Kim (Ed.), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Abdul Karim, N., Harun, S. N., & Ayob, S. (2020). Exploring the roles of heritage museums in promoting intangible and tangible heritage in Kelantan. *Akademika*, 90(2), 181–193.
- Abdul Razak Mahmud. (1993). Pengarang Majalah Pengasuh 1918–1993. *Majalah Pengasuh*, 528, 31–43.
- Abdullah Zakaria bin Ghazali. (2017). *Mencabar Sejarah Malaysia, Kata yang Tidak Bercakap dalam Muzium*. *Malaysia Museums Journal*, 34, 1–24.
- Abu Talib Ahmad. (2013). *Muzium dan penghayatan sejarah negara*. Dalam *Prosiding Sidang Kemuncak Sejarah*. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abu Talib Ahmad. (2015). *Museums, history and culture in Malaysia*. NUS Press.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Abdullah Yusuf, Ahmad Faisal Abd Hamid, & Rahimin Affandi Abd Rahim. (2019). Kesedaran muzium baru di Malaysia. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 93–111.
- Ahmad Farid Abd Jalal, Siti Maimunah Kahal, & Rahimin Affandi Abd Rahim. (2023). Pembinaan garis panduan muzium patuh syariah di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(1), 141–158.
- Ahmad Ibrahim. (1992). *Towards a history of law in Malaysia and Singapore*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahnaf Wafi Alias. (2018). Peranan Kurator Muzium Negeri Pahang dalam memastikan kelangsungan manuskrip Hukum Kanun Pahang. Dalam *Prosiding Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018* (pp. 215–230). ATMA UKM.
- Arnold, T. W. (1913). *The preaching of Islam: A history of the propagation of the Muslim faith* (2nd ed.). Constable & Company.
- Asiah binti Ali. (1999). *Peranan Ulama' dalam Bidang Pendidikan Islam di Negeri Kelantan*. (Tesis PhD). Universiti Malaya.
- Aziz Deraman. (2013). Citra Budaya Kelantan. Dalam Mahmood Zuhdi Abd Majid (Ed.), *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad MAIK* (p. 529). MAIK.
- Azman Ligun. (2017). Muzium sebagai instrumen pembelajaran sejarah luar bilik darjah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1), 19–30.
- Azyumardi Azra. (1994). *Jaringan ulama Timur Tengah dan Kepulauan Alam Melayu abad XVII dan XVIII*. Penerbit Mizan.

- Badrul Isa. (2017). *Museum pedagogy and learning experiences: An investigation into museum education from instructional perspectives*. (Tesis PhD). RMIT University.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40.
- British Museum. (2006). *Visitor research and evaluation*. <https://www.britishmuseum.org/research/projects/visitor-research-and-evaluation>
- Chen, D., Gao, Y., Mederer, A. C., & Wicke, M. R. (2019). *Evaluation of the Islamic World Gallery at the British Museum*. Worcester Polytechnic Institute.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Daud, H. (2009). Islam dan politik: Dinamika kerjasama tokoh serumpun dalam menghadapi penjajah. *Dialog Membangkitkan Memori Kolektif Indonesia–Malaysia*, Tanjung Pinang.
- Darusman, M. (2008). *Perjuangan Ulama Nusantara di Makkah dan Timur Tengah*. Penerbit Indonesia.
- Erasiah, U., Pratama, F. S., Mat Zain, F., Ardy, M. S., & Dalela, R. (2023). Kelantan the “Little Mecca.” *Jurnal Lektur Keagamaan*, 21(1), 125–156.
- Faghizadeh, S. (2004). *Asabiyyah and state formation in Ibn Khaldun*. International Institute of Islamic Thought.
- Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. (2013). Pemikiran Islah Majalah Pengasuh Tahun 1918. *Jurnal Al-Tamaddun*, 8(1), 115–131.
- Gurel Ceti. (2016). Muslim friendly tourism (MFT). *Journal of Tourismology*, 2(1), 65–67.
- Hasanuddin, A. (2009). *Institusi haji dan pembentukan jaringan ulama jihad Nusantara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, A. (2011). *Jihad dan perjuangan ulama Melayu: Satu analisis sejarah*. Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Jaffar, M. (2000). *Asabiyyah dalam perspektif politik Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamis bin Ismail. (2003). *Shi'ah dan pengaruhnya dalam politik dan tasawuf di Alam Melayu*. (Tesis PhD). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kobkua Suwannathat-Pian. (1988). *Thai–Malay relations: Traditional intraregional relations from the seventeenth to the early twentieth centuries*. Oxford University Press.
- Lina Munirah Kamarudin, & Hairul Nizam Ismail. (2012). Membudayakan pelancongan Islam di Malaysia. *The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago*.
- Mahmud bin Ismail. (1918). Pembukaan Pengasuh tahun yang pertama. *Pengasuh*, 1. MAIK.
- Manzaidi Mohd Ainin. (2001). Sumbangan Majalah Pengasuh tidak pernah berubah. *Utusan Malaysia*, 19 Jun.
- Masae, A., & Hamid, M. (2014). *Jihad Ulama Melayu di Pattani: Satu analisis sejarah*. University of Pattani Press.
- Mederer, A. C. (2019). *Interactive evaluation of the Islamic World Gallery*. Worcester Polytechnic Institute.
- Mohamad Firdaus, M., Engku Ahmad Zaki, E. A., & Sulaiman, R. (2022). Sumbangan Za'ba terhadap kesedaran Islam melalui Pengasuh. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 14–29.
- Mohamed Redzuan Othman. (2001). Pengaruh Timur Tengah dalam perkembangan awal kesedaran politik Melayu. Dalam *Jendela Masa* (pp. 245–247). Universiti Malaya.
- Mohd Azmi Mohd Yusof. (2013). Menggiatkan fungsi muzium. *Prosiding Sidang Kemuncak Sejarah*. Persatuan Sejarah Malaysia.

- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, & Norhayati Hamzah. (2018). Perkembangan Islam di Kelantan. *Jurnal Al-Tamaddun*, 13(2), 133–147.
- Mok Soon Sang. (1993). *Pendidikan di Malaysia*. Kumpulan Budiman.
- Muhammad Hussein Khali'e bin Haji Awang. (1969). *Kelantan dari zaman ke zaman*. Pustaka Dian.
- Muhammad Zainiy Uthman. (2012). *Tarikh sebenar Batu Bersurat Terengganu*. Department of National Heritage.
- Muhammad, Z., & Latib, R. (2021). *Peranan Pusat Kajian AL-ASAR dalam pembangunan tamadun Malaysia*. AL-ASAR Publications.
- Nawawi Muhammad. (1981). Mengingati detik perjalanan Pengasuh. *Pengasuh*, 460.
- Nicole Suarez. (2008). *Curatorial practices at The Rijksmuseum*. (Tesis PhD). Florida State University.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (1987). *Kelantan zaman awal*. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Norawazni Yusof. (2021, November 18). Pusat kajian sejarah penting lengkap peranan muzium. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/173197>
- Nur Syazwani Abdul Talib, Kamarulzaman Abdul Gani, & Nur Azuki Yusuff. (2019). Kaedah pembelajaran sejarah berasaskan lawatan ke muzium. *INSANIAH*, 2(1), 45–57.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. (2003). Analisis sejarah dakwah Malaysia–Indonesia. Dalam Zulkiple Abd. Ghani (Ed.), *Jaringan Dakwah Malaysia–Indonesia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. (2010). Batu Bersurat Terengganu: Satu tafsiran. *Jurnal Fiqh*, 7, 107–148.
- Rahimin Affandi Abd Rahim. (2012). Formula ketatanegaraan Melayu–Islam. *Persidangan Serantau Kearifan Tempatan*.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Ab. Halim Ismail, & Nur Adina Abdul Kadir. (2014). Teori Islamisasi Tanah Melayu. *Kolokium Islam Pahang*.
- Sa'ad Shukri Muda. (1971). *Detik-detik sejarah Kelantan*. Pustaka Aman Press.
- Samsudin, N., & Yahaya, R. (2011). *Kebangkitan perjuangan ulama Melayu: Analisis jaringan intelektual*. Penerbit UKM.
- S. Hossein Nasr. (1990). *Traditional Islam in the modern world*. Kegan Paul.
- Siti Fathihah Abd Latif, & Mahani Musa. (2021). MAIK dan pemodenan pendidikan. *Jebat*, 48(1), 1–29.
- Siti Maimunah Kahal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Hajar Opir, Amiratul Munirah Yahaya, Mohd Hapiz Mahaiyadin, & Wan Yusnee Abdullah. (2023). Muzium dan prinsip wasatiyyah di Tanah Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 6(1), 26–43.
- ShawHong Ser. (2020). Museums and tourism. *Journal Business Economic, Communication, and Social Sciences*, 2(1), 145–157.
- T. W. Arnold. (1913). *The Preaching of Islam* (2nd ed.). Constable & Company.
- Yusof Zaky Yaacob. (1975). *Tok Kenali dalam kenangan*. *Pengasuh*, 403. MAIK.
- Zaini Nasohah. (2004). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia: Sebelum dan menjelang merdeka*. Utusan Publications.

Penulis

Ahmad Farid Abd Jalal, DIMP, sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Institut Pengajian Termaju, Universiti Malaya, Malaysia. Beliau merupakan Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Pahang dan banyak menulis dalam bidang pemuziuman khususnya berkaitan Konsep Muzium Baharu dan Ilmu Kolonial. Beliau telah menulis dan mengembangkan idea berkaitan peranan berganda muzium moden serta mewujudkan wacana ilmiah berteraskan falsafah Pascakolonialisme dan Islam di Muzium Pahang.

Ahnaf Wafi Alias merupakan pelajar sarjana (MA) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan bertugas sebagai kurator Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah (AL-ASAR) - Muzium Pahang, Malaysia. Beliau terlibat dalam kajian dan penulisan berkaitan galeri sumbangan Islam kepada tamadun dunia. Beliau telah mengkaji tentang kaedah Muzium Pahang mewujudkan Galeri Sumbangan Islam kepada Tamadun Dunia.

Siti Maimunah binti Kahal merupakan seorang pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Beliau berkepakaran dalam bidang kesenian, kemanusiaan dan pemuziuman. Beliau banyak mengkaji tentang pemuziuman khususnya berkaitan Model Muzium Patuh Syariah di Malaysia.

Rahimin Affandi Abdul Rahim merupakan penyelidik Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah (AL-ASAR) - Muzium Pahang, 26600 Pekan, Pahang, Malaysia. Beliau banyak mengkaji serta menolak teori Barat berkaitan Islam di Pahang. Beliau telah menulis berkaitan artifak-artifak yang terdapat di Muzium Pahang seperti Batu Nisan Permatang Pasir dan Hukum Kanun Pahang.